

TAJUK : ERA MASYARAKAT JAHILIYYAH (TINGKATAN SATU)

(Masyarakat Arab Sebelum Kerasulan Nabi Muhammad SAW Dari Segi Akidah)

(A) ARAHAN : ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

1. Jahiliyyah berasal daripada perkataan _____ 'jahala' yang bermaksud _____ , bodoh atau jahil.
2. Masyarakat Arab dahulu bukanlah jahil yang memberi maksud mereka tidak _____. Mereka terkenal dengan kehebatan bersyair dan _____.
3. Mereka jahil dari segi _____ dan akhlak.
4. Masyarakat Arab jahiliyyah menganut ajaran _____ dan Nabi Ismail AS tetapi mencampuradukkannya dengan penyembahan berhala, amalan sihir dan _____.
5. Mereka banyak melakukan perilaku buruk seperti suka _____perempuan dan hamba, berjudi serta _____.

(B) ARAHAN : TULIS JAWAPAN YANG SESUAI (GUNAKAN HURUF BESAR)

1. _____ ialah kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai roh dan semangat .
2. Pada malam kelahiran Rasulullah SAW api yang disembah oleh penganut _____ di Parsi telah terpadam.
3. Agama Hanif ialah agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi _____ AS.
4. Amru bin Amir bin Luhai menemukan ajaran penyembah berhala dari negeri Syam lalu membawa balik berhala bernama _____ ke Mekah dan meletakkannya di dalam Kaabah.
5. Agama _____ ialah agama samawi yang diubahsuai daripada ajaran Nabi Musa AS mengikut keinginan para penganutnya.
6. Abrahah , Raja Nasrani membina tempat ibadat baharu di _____ untuk menyaingi populariti Kaabah di Mekah, namun gagal dengan pertolongan Allah SWT.
7. Percaya kepada dosa dan pahala merupakan kepercayaan agama _____.
8. Agama penyembahan berhala disebarkan kepada seluruh orang Arab ketika musim _____.
9. Penganut agama _____ datang dari Habsyah dan Rom.
10. Penganut agama ini banyak memfitnah para Nabi dan menolak ajaran Nabi Muhammad SAW. Mereka datang dari Palestin ke negara Arab. (Agama _____)

